

23/06/1999

Pelabur asing terlepas peluang

Jamhariah Jaafar; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ramai pelabur asing terlepas peluang mengaut keuntungan besar di Malaysia tahun lalu kerana percaya dengan laporan media yang tidak tepat dan diputarbelitkan.

Menurut Perdana Menteri, ketika banyak laporan menyeleweng mengenai Malaysia disebarkan oleh media Barat, indeks pasaran saham negara ini meningkat hampir 200 peratus sejak September tahun lalu.

"Dengan kata lain, pelabur yang memasuki (negara ini) lebih awal boleh mencatat keuntungan besar. Tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana maklumat tidak tepat yang diterima melalui media," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada 44 perwakilan agensi pengiklanan antarabangsa yang menghadiri mesyuarat tahunan Worldwide Partners' 1999 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan sering membuat keputusan hanya berdasarkan maklumat yang mereka dengar, lihat atau baca. Kerana itu, jika maklumat itu salah, maka keputusan mereka juga silap.

Sehubungan itu, katanya, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bersikap jujur mengenai barangan dan perkhidmatan mereka.

"Ahli politik juga harus memastikan perkara itu atau mereka terpaksa berhadapan dengan kemurkaan mahkamah dan pengundi," katanya.

Mengenai pengiklanan, beliau percaya mereka dalam industri itu amat berhati-hati mengenai perkara yang dipromosikan kerana tidak mahu memperdayakan pengguna.

Dr Mahathir berkata, pengiklanan sangat penting bagi pertumbuhan pesat sesebuah ekonomi dan mereka harus memberikan perkhidmatan, bukan saja kepada pelanggan tetapi juga pengguna dengan memastikan ketepatan barangan yang diiklankan.

Perdana Menteri gembira kerana sebahagian rakan ICSB sudi menghulurkan bantuan dalam menjayakan kempen "Malaysia: Bullish on Bouncing Back" (Malaysia: Yakin untuk Bangkit Semula) tahun lalu, dalam usaha menyekat kemerosotan keyakinan mengenai keupayaan negara memulihkan ekonominya.

Worldwide adalah rangkaian agensi pengiklanan bebas terbesar dunia.

(END)